

24/03/2002

Tabung Haji perlu dipulih secepat mungkin

Jamhariah Jaafar

TABUNG Haji dihimpit kemelut penyelewengan wang yang semakin serius sehingga menggugat keyakinan pendepositnya. Kehilangan RM8 juta kerana kes penipuan tidak lama dulu kini dilihat begitu kecil berbanding pendedahan terbaru membabitkan pelaburan kurang bijak hingga mengheret agensi itu kerugian lebih RM80 juta. Kini, enam pegawai kanan Tabung Haji disiasat.

Antara yang paling sedih melihat kemelut yang melanda agensi itu ialah bekas pengerusinya, Tan Sri Hanafiah Ahmad (gambar). Beliau menyertai Tabung Haji pada 1974 sebagai timbalan pengarah besar, sebelum dilantik menjadi pengarah besar pada 1977 sehingga 1987. Ketika memilih untuk bersara pada usia 50 tahun, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melantik beliau sebagai pengerusi Tabung Haji dan memegang jawatan itu sehingga Disember, 1992. Selepas itu Hanafiah terus mencurahkan pengalamannya sebagai pengerusi beberapa syarikat milik Tabung Haji, sehinggalah diminta meletak jawatan dalam semua syarikat terbabit tahun lalu. Ikuti bicara wartawan Berita Minggu, JAMHARIAH JAAFAR dengan Hanafiah mengenai pandangan dan keprihatinannya mengenai suasana yang melanda Tabung Haji sekarang.

TAN Sri sudah membaca laporan akhbar Selasa lalu mengenai kerugian yang mungkin ditanggung Tabung Haji membabitkan pelaburan dalam perniagaan mata wang asing. Apa pendapat Tan Sri mengenai kes terbaru ini?

Satu siasatan menyeluruh patut dibuat. Pada hemat saya kes yang berlaku bukan di bawah pengurusan yang ada sekarang ini, tapi pengurusan dulu. Perkara ini berlaku sudah lama. Persoalannya ialah bagaimana ia boleh berlaku. Contohnya, setiap pelaburan memerlukan pegawainya membuat analisis terperinci terlebih dulu, sebelum ia dibentangkan di Jawatankuasa Pelaburan, ke Lembaga Pengarah, dan akhirnya baru kepada menteri bertanggungjawab.

Perkara pertama pula yang perlu ditentukan sebelum membuat sesuatu pelaburan itu ialah mengenai halal haramnya... seperti sama ada ia halal dari segi syariah atau tidak. Justeru, perniagaan membabitkan mata wang asing seperti yang dilaporkan akhbar akhir-akhir ini sama ada halal atau haram, saya tidak tahu. Perkara itu amat penting. Kalau perkara itu tidak diluluskan oleh panel syariah, bermakna apa yang berlaku bukan setakat kecuiaan tetapi satu penyelewengan kerana amanah orang Islam yang menaruh harapan kepada Tabung Haji untuk melabur simpanan mereka, tidak dilaburkan mengikut syariah... itu boleh membawa kepada salah laku.

Persoalannya mengapa mereka melakukan urusan perniagaan yang membabitkan urusan yang tidak ketentuan. Dulu, kita tidak pernah terbabit dalam hal ehwal perniagaan seperti ini.

Tan Sri, Tabung Haji pernah gempar dengan kehilangan RM8 juta kerana dikeluarkan dengan cara penipuan, tetapi yang terbaru ini membabitkan lebih RM200 juta dan mungkin kira-kira RM80 juta hilang dalam urusan perniagaan yang meragukan. Apa pendapat Tan Sri mengenai kedudukan ini?

Kehilangan RM8 juta itu amat kecil, berbanding kes terbaru ini. Tabung Haji kena buat penyiasatan menyeluruh terhadap semua pelaburan yang dibuat sekarang kerana muncul keraguan kemungkinan ada kesilapan (pelaburan) dan penyelewengan lain adalah besar. Contohnya, mengenai pelaburan RM1.2 bilion di Indonesia dalam bidang perladangan, sebuah syarikat hartanah di Negeri Sembilan, bagaimana pula dengan pembelian pelbagai bangunan yang kemungkinan terjadi over investment.

Tabung Haji kena membuat penyiasatan menyeluruh dari atas ke bawah,

kerana sudah tentu dalam hal ini soal syak mengesyaki berlaku rasuah di kalangan kakitangan juga akan menular, terutama mereka yang terbabit dalam menyediakan kertas kerja untuk pelaburan. Jika ikut pengalaman saya dulu, kalau peringkat kakitangan dan pengurusan tidak recommend, pihak atasan atau pengurusan tidak akan luluskan. Dulu ketika saya lagi memang ada orang terutama ahli perniagaan yang pasang kaki di dalam Tabung Haji untuk mengetahui peluang perniagaan yang ada.

Boleh Tan Sri menceritakan prosedur untuk membuat sesuatu pelaburan itu?

Pelaburan ada pelbagai, satu pelaburan saham di mana Tabung Haji melabur untuk membeli saham, hartanah, perladangan. Seperti dalam hal pembelian saham, sesetengahnya membabitkan pelaburan secara langsung terutama yang dicadangkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti). Miti akan mencadangkan kepada Tabung Haji untuk mendapatkan saham berkenaan kerana ia akan disenaraikan... itu jelas, kerana bila Miti cadangkan ia memang dari syarikat yang disenaraikan. Bila cadangan dibuat, Jawatankuasa Pelaburan akan membuat kajian dari segi pulangan, sama ada ia bagus, haram atau halal.

Siapa akan menentukan halal haram?

Selalunya kita akan rujuk kepada ulama atau kita pakai Bank Islam. Tetapi selalunya straight forward. Kalau kita tahu syarikat itu ada terbabit dalam penjualan arak, faedah tinggi, kita dah tahu. Tapi kalau kita ragu-ragu, kita akan merujuk kepada Jawatankuasa Panel Syariah Bank Islam. Bila dah puas hati, kemudian kita teruskan analisis dari segi pulangan pelaburan itu. Biasanya, kalau pulangan itu lebih 10 peratus, kita akan terima... jarang kita terima pelaburan kalau pulangannya kurang daripada 10 peratus.

Kemudian kita tengok pula siapa dalam syarikat, adakah dia orang yang kita senang atau tidak senang... itupun penting juga. Cara untuk menentukan perkara itu ialah kita tengok kepada track record syarikat, kerana itu kita jarang akan berurusan dengan individu, sebaliknya lebih gemar berurusan dengan syarikat yang sudah established. Bila dah puas hati kita akan bawa pada Jawatankuasa Pelaburan, lepas itu kepada Lembaga Pengarah... lepas itu tidak ada masalah.

Dalam aspek hartanah pula, kita akan diberitahu berapa harganya, kita akan panggil syarikat penilai untuk memastikan apa pulangannya. Prosedur lain adalah sama, begitu juga dengan sektor perladangan. Kalau ladang pula, kita perlu ada pandangan mereka yang profesional dalam bidang ini.

Tan Sri pernah dengan Tabung Haji sehingga 1993, apa perbezaannya dari segi pentadbiran dan pelaburan yang dibuat Tabung Haji antara dulu dan sekarang?

Perbezaan pertamanya adalah dari segi check and balance, maknanya dulu Pengarah Besar dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, Pengerusi dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan ahli Lembaga Pengarah oleh menteri. Jawatankuasa Pelaburan pula dilantik oleh PM. Jawatankuasa Pelaburan dan Lembaga Pengarah pula adalah badan bebas. Ketika itu peranan menteri kurang langsung kerana menteri hanya sebagai ahli lembaga pengarah.

Tapi sekarang, selepas Akta Lembaga Tabung Haji dipinda pada 1994, semua kuasa membabitkan Tabung Haji di bawah kuasa menteri yang bertanggungjawab... sepenuhnya. Hanya selepas itu banyak masalah timbul. Antaranya bagaimana mereka boleh melabur tanpa mendapat laporan lengkap mengenai sesuatu pelaburan itu... contohnya biasanya kalau kita nak beli bangunan kita dapatkan penilai dan kaji berapa pulangan yang akan diperoleh.

Maknanya penyelewengan berlaku sejak Akta Lembaga Tabung Haji dipinda pada 1994. Akta ini begitu longgar dari segi pelaksanaan dan kuasa untuk menentukan sesuatu pelaburan itu dimiliki sepenuhnya oleh menteri yang bertanggungjawab. Adakah itu benar?

Ya. Kalau dulu Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri yang mengarahkan kita, kini menteri... sudah tentu ada banyak perbezaan.

Tan Sri pernah memberi sumbangan besar kepada perkembangan Tabung Haji, tetapi tahun lalu diminta meletak jawatan sebagai pengerusi kepada beberapa syarikat milik agensi itu tanpa sebarang alasan. Tan Sri juga pernah membuat beberapa pendedahan mengenai kelemahan Tabung Haji sebelum ini, adakah ini kerana ada perasaan kecil hati dan marah terhadap mereka yang bertanggungjawab?

Saya memang bersuara lantang (mengenai kelemahan Tabung Haji) sejak dulu lagi. Di Tabung Haji, mereka boleh memberhentikan atau melantik seseorang itu pada bila-bila masa. Saya membuat pendedahan kerana saya terbabit secara langsung dalam perkembangan Tabung Haji selama 20 tahun, daripada sebuah agensi biasa kepada agensi yang mendapat pengiktirafan bukan hanya di dalam negeri tetapi juga dunia luar. Saya banyak menerima anugerah kerana prestasi Tabung Haji. Jadi bila saya tengok benda-benda tidak baik berlaku terutama yang merosakkan umat Islam dan bangsa kita, saya terpaksa bercakap.

Kita kembali kepada kes terbaru Tabung Haji yang terbabit dalam urusan perniagaan mata wang asing sehingga kerugian lebih RM80 juta. Bagaimana anda melihat kes ini?

Sudah pasti ada yang tidak betul di mana-mana. Mengapa anda sudah melabur tapi secara tiba-tiba anda tidak mendapat pulangan sewajarnya. Jadi persoalan yang mesti ditanya siapa yang terbabit dalam pelaburan seperti ini? Kalau anda melantik ejen pelaburan, bila anda hendak balik wang pelaburan ia tidak patut menjadi masalah seperti apa yang berlaku sekarang. Takkan anda terus bagi cek kosong dan berkata ini duit saya, pergilah melabur... tanpa mengetahui di mana duit berjuta-juta ringgit itu dilaburkan.

Adakah Tan Sri syak kerugian yang mungkin ditanggung Tabung Haji sekarang mungkin lebih besar daripada yang dilaporkan oleh akhbar?

Itu saya tidak tahu. Tapi apa yang saya ragu ialah mungkin ada kerugian yang lebih besar yang kita tidak tahu, kita takut ada kes lain.

Tadi Tan Sri ada cakap mengenai pelaburan RM1.2 bilion di Indonesia. Boleh Tan Sri jelaskan?

Tanah itu dibeli bukan pada masa saya. Tanah seluas 200,000 ekar itu dibeli kalau tidak silap saya pada 1994. Tabung Haji beli tanah 200,000 ekar atau 80,000 hektar di Provinsi Riau atas nama syarikat, Multi Gambut Sdn Bhd. Nak ke sana kita perlu melalui Batam, perjalanan ke sana dilaporkan tidak begitu baik dan jenis tanah untuk ditanam kelapa sawit juga diberitahu tidak begitu baik. Saya diberitahu pelaburan di sana sehingga hari ini sudah mencapai kira-kira RM1.2 bilion. Apa yang meragukan ialah tempoh hak sewa tanah di sana ialah hanya 35 tahun. Ketika itu Boustead Estate Agency, yang memang menjadi penasihat Tabung Haji dalam bidang perladangan, dipercayai tidak menggalakkan Tabung Haji membuka ladang kelapa sawit itu dengan keluasan yang begitu besar, sebaliknya mencadangkan supaya bertanam sekitar 10,000 ekar dahulu. Tapi Tabung Haji dipercayai mengerjakan tanah lebih luas daripada itu.

Dengan tempoh pajakan tanah hanya 35 tahun, berbanding di Malaysia seperti Sabah dan Sarawak, sekurang-kurangnya 60 tahun. Dengan pelaburan yang begitu besar, saya ragu sama ada mereka boleh mendapat pulangan daripada pelaburan itu.

Bagaimana Jawatankuasa Pelaburan ketika boleh meluluskan pelaburan itu? Apa yang saya tahu, ketika itu Akta Tabung Haji sudah dipinda.

Mengenai dakwaan Tan Sri mungkin ada kakitangan turut terbabit dalam penyelewengan, umum tahu kemungkinan itu adalah besar terutama mereka yang terbabit secara langsung dengan pengeluaran tender. Adakah perkara ini tidak pernah berlaku ketika zaman Tan Sri dulu?

Seperti saya kata, kalau ada berlaku sudah pasti akan ada kes. Tapi masa saya bersara, semua laporan audit tidak mengesan sebarang penyelewengan. Ketika saya, semua laporan audit adalah clear. Justeru, dalam hal sekarang kita kena tanya sama ada laporan audit untuk 2000 sudah siap atau tidak. Jika sudah siap, apakah teguran atau pendapat yang diberi oleh juruaudit. Tabung Haji umpama satu bank, satu badan amanah, kita kena telus. Mereka tidak boleh menyembunyikan sesuatu kerana orang ramai sudah pasti dapat mengesan penyelewengan berdasarkan laporan kewangan mereka. Tapi, jika mereka tidak dapat clear akaun, sudah pasti ada yang tidak betul.

Adakah Tan Sri mencadangkan supaya akta yang ada ini dikaji semula?

Ya, ia patut dikaji semula dan itu memang pendirian saya. Panel pelaburan mesti bebas daripada kuasa Lembaga Pengarah dan Menteri dan itu sudah saya cakap tahun lalu lagi. Memang panel itu ditubuhkan tetapi hanya dalam bentuk peraturan, tidak membabitkan pindaan ke atas akta.

Bagaimana perasaan Tan Sri apabila melihat keadaan Tabung Haji sekarang?

Saya hanya orang biasa, tetapi sudah tentu saya berasa sedih melihat keadaan sekarang. Kerana melihatnya, sebuah badan Islam dan Melayu yang kita harap boleh memikul amanah kita, tetapi gagal melaksanakan tanggungjawab dengan telus dan penuh amanah. Penyelewengan ini amat serius. Saya amat menyokong pendapat Timbalan Perdana Menteri supaya penyiasatan menyeluruh dibuat. Kita mesti memulihkan nama baik Tabung Haji secepat mungkin.

(END)